

# Jangan iri hati dengan golongan korporat

U.M. 22 SEP 1993

P

JITRA 23 Sept. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, menasihatkan ahli-ahli UMNO jangan iri hati dengan golongan korporat atau berada kerana mereka merupakan penyumbang besar kepada pendapatan negara.

Menurutnya, ada di antara golongan korporat ini membayar cukai sehingga RM30 juta setahun.

Beliau berkata, sumbangan besar ini pula diperlukan oleh kerajaan bagi membolehkannya melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan dan sosial untuk rakyat.

Berucap menggulung perbahasan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini lewat petang ini, beliau yang juga Presiden UMNO dan Ketua bahagian itu berkata, setiap tahun ahli-ahli UMNO meminta bantuan sama ada untuk mendirikan masjid, membuat jalan dan sebagainya.

Menurut Dr. Mahathir, setiap tahun pula peruntukan kian bertambah kerana kos terus meningkat.

Oleh itulah, kata beliau, kerajaan memerlukan wang, termasuk dari cukai untuk membolehkan ia memenuhi permintaan rakyat.

Sehubungan itu, katanya, rakyat juga hendaklah jangan marah jika dibuat projek-projek seperti padang golf kerana ia akan memberi pulangan kepada kerajaan dalam bentuk cukai.

Selain itu, tegas beliau, projek seperti itu juga memberi peluang kepada rakyat untuk turut sama mengambil bahagian kerana setiap projek pasti memerlukan pekerja.

Dr. Mahathir mahu ahli UMNO khususnya mengikis sikap iri hati dan mahu setiap orang lain dapat dia juga mahu dapat.

Beliau memberi contoh mengenai peruntukan RM5,000 seorang yang diberikan kepada penduduk termiskin di negara ini bagi melabur dalam ASB.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada perwakilan kerana bersikap berkecuali dalam pencalonan bagi pemilihan pucuk pimpinan parti November ini.